

LATAR BELAKANG

HJ MAT HJ JANTAN SDN BHD telah diperbadankan pada 28hb Mac 1992 di bawah Akta Syarikat 1965, dan secara prinsipal melibatkan diri di dalam bidang pungutan dan pembuangan sampah, pembersihan kawasan dan pembinaan awam.

Sebelum **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** ditubuhkan, segala aktiviti perniagaan telah dijalankan di bawah nama Syarikat Hj Mat Hj Jantan (**SHMHJ**), sebuah syarikat milik perseorangan yang dimiliki sepenuhnya oleh Tuan Hj Mat Hj Jantan sendiri. **SHMHJ** yang ditubuhkan pada 6hb September 1984, mula melibatkan diri dalam bidang kerja-kerja kontrak perladangan dan pengangkutan am.

SHMHJ kemudiannya telah menceburkan diri dalam kerja-kerja kontrak pungutan dan pembuangan sampah apabila mendapat kontrak dari Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) pada tahun 1988. Kontrak tersebut melibatkan 18,000 buah premis kediaman dan 80 buah kilang di sekitar bandar Melaka. Bermula 1hb Januari 1999 kontrak ini dilaksanakan secara tahunan ke tahunan di bawah Southern Waste Management Sdn Bhd. Pada Mei, 2002 **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** mula meluaskan operasinya apabila mendapat kontrak pungutan sampah di Zon 2 Muar Johor di bawah Majlis Perbandaran Muar. Bermula pada 1 July, 2003 kontrak tersebut telah diswastakan kepada pihak Southern Waste Management Sdn Bhd.

Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd juga adalah kontraktor berdaftar Indah Water Konsortium (IWK) bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem pembentongan, penyedutan najis dan membaikpulih rumah pam bagi seluruh negeri Melaka.

Selain dari kerja-kerja kontrak sektor awam, **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** juga menjalankan kerja-kerja yang serupa disektor swasta seperti menyedut sisa lebihan proses Loji Penapisan Gas Petronas di Tangga Batu Melaka, Kemaman Terengganu dan Kuantan Pahang. **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** turut menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan loji di sepanjang Highway Utara Selatan (Bahagian Selatan) dengan pihak Propel.

Pada tahun 1996, kesemua operasi di atas telah diselaraskan secara berperingkat kepada **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** bagi tujuan mengembang dan mempelbagaikan lagi jenis-jenis perniagaan dan perkhidmatannya.

Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd telah melangkah setapak lagi di dalam bidang mereka bentuk system, membina, menyiapkan termasuk membekal, memasang dan mentauliah guna alat-lat dan jentera yang berkaitan untuk loji kumbahan najis. **Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd** juga merupakan kontraktor berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Pembentongan (JPP) bagi kelas B & D bagi membuka ruang operasi perniagaan untuk terus berkembang maju ke peringkat yang lebih tinggi khususnya di bahagian selatan dan umumnya di seluruh negara.

CARTA ORGANISASI



TN. HI MAT B. HI JANTAN
Pengarah

PN. SITI KHATIJAH BT. BARLAN
Pengarah Urusan

ANUAR B. RUSLI
Jurutera

PN. ERNIE LIZAWATI BT. MUHAMAD
Ketua Pentadbiran
Eksekutif Akaun

En. ALI B. JAMAL
Penyelia PROPEL/
Juruteknik

MOHD HANIF
Penyelia
MOHD ZURAIDI
Penyelia Muar

PN. HAFIZAH BT. ABD HAMID
Kerani Pentadbiran

EN. SHAHADAN
Mekanik

AHMAD FUAD B. HASSAN
Pen. Juruteknik

EN. SALLEH BIN ABDUL
Kerani Am

EN. AZMAN MD ISA
Pengimpal

EN. NORKHISHAM B. ISMAIL
Kerani Am

BAHAGIAN OPERASI

BAHAGIAN PENTADBIRAN

BAHAGIAN BENGKEL

TENAGA KERJA

Setakat ini jumlah pekerja Hj Mat Hj Jantan Sdn Bhd adalah seramai 99 orang yang terdiri daripada :-

JAWATAN	JUMLAH
Pengurusan	2 orang
Jurutera	2 orang
Eksekutif Akaun	1 orang
Eksekutif Pentadbiran	1 orang
Kerani/Pembantu Pejabat	3 orang
Penyelia Projek	3 orang
Mekanik & Pengimpal	2 orang
Juruteknik	2 orang
Pemandu	14 orang
Pekerja am	49 orang

SENARAI KENDERAAN

BIL	JENIS	BUAH
1.	LORI COMPACTOR	9
2.	LORI ROLL ON ROLL OFF	4
3.	LORI VACUUM TRUCK	5
4.	LORI 1 TAN	2
5.	BOBCAT	2
6.	FORKLIFT	1
7.	JIP	3
8.	KERETA	3
9.	MPV	1
10.	EXCAVATOR	1

SENARAI PERALATAN PEMBINAAN AWAM

BIL	JENIS	BUAH
1.	WATER PUMP 50MM	3
2.	HIGH PRESSURE WATER PUMP	3
3.	WELDING SET & GENERATOR	1
4.	WELDING SET	3
5.	BUSH CUTTER	2
6.	ROAD CUTTER	1
7.	CONCRETE MIXER	1

SENARAI PERALATAN KERJ-KERJA PEMBERSIHAN

BIL	JENIS	BUAH
1.	EUROPA 400	1
2.	VICTOR EUROPA 400	1
3.	COLOMBUS SW 705 VACUUM CLEANER	1
4.	VICTOR VACUUM CLEANER	1
5.	GHIBIL AS 10 VACUUM CLEANER	2
6.	1M5C DRY VACUUM CLEANER	1
7.	TRUVOX 1200 FLOOR POLISHER	1
8.	DECANTER MODEL DMNX 418	1
9.	TOMAL POLYMER DUO 40-6.0	1
10.	SRUBBING MACHINE	1

PERKHIDMATAN

KUTIPAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH



KAMI MEMILIKI LORI DEMSTER, LORI KOMPAKTOR UNTUK MENGANGKUT SAMPAH RUMAH, KANTIN, PEJABAT, KILANG DAN SEBAGAINYA.
KAMI JUGA MENYEDIAKAN SEWA/BELI LEACHBIN.

SEDUTAN NAJIS / DESLUDGING




KAMI MEMILIKI LORI VAKUM
UNTUK SEDUTAN NAJIS RUMAH, PEJABAT, KILANG, LOJI
KUMBAHAN DAN SEBAGAINYA.
SEBUAH LORI MEMPUNYAI ISIPADU TANGKI 8
(METERPADU)
KAMI BERDAFTAR DENGAN JPP.

MEMBINA DAN MENYELENGGARA LOJI



KAMI PAKAR DALAM BIDANG PEMBINAAN LOJI SEPTIK
SERTA PENYELENGGARAAN LOJI TERMASUK
PEMASANGAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL. KAMI
MENYELESAIKAN MASALAH SEPERTI MANHOLE
TERSUMBAT DAN SEBAGAINYA.

KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN SIVIL



KAMI MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBINAAN SERTA SIVIL. KAMI BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN, PKK DALAM KELAS C SERTA CIDB G5. KAMI JUGA MEMPUNYAI KEMUDAHAN KREDIT BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBINAAN.